

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA  
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**TUNTUTAN NO. TPPM-WP-(P)-142-2019**

**KOH SIEW SING**

**PIHAK YANG MENUNTUT**

**AGENSI PEKERJAAN AV  
MANAGEMENT SDN BHD**

**PIHAK PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Pada bulan Ogos 2017 Pihak Yang Menuntut telah membayar Penentang sebanyak RM 24,118.00 untuk bayaran Perkhidmatan bagi mendapatkan seorang pembantu rumah yang akan bekerja selama dua tahun. Namun pembantu rumah yang dibekalkan telah melarikan diri selepas bekerja hanya selama dua bulan 10 hari. Oleh itu Pihak Yang Menuntut memohon agar Penentang membayar balik RM 20,000.00 kepadanya kerana Penentang gagal untuk menggantikan pembantu rumah yang lari dengan pembantu rumah yang lain.

Keterangan dalam kes ini adalah seperti yang terkandung di dalam nota keterangan. Pihak Yang menuntut di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau telah membayar kepada Penentang wang berjumlah RM 24,118.00 pada bulan Ogos 2017. Bayaran tersebut adalah bayaran untuk perkhidmatan untuk mendapatkan seorang pembantu rumah asing berbangsa Indonesia yang akan berkerja dengan Pihak yang Menuntut selama dua tahun dengan gaji bulanan sebanyak RM 1200.00 sebulan.

Penentang telah menghantar Pembantu rumah yang telah dipersetujui oleh Pihak Yang menuntut pada pertengahan bulan Oktober 2017. Walau bagaimanapun pembantu rumah tersebut telah melarikan diri dari rumah Pihak Yang Menuntut selepas dua bulan sepuluh hari dari tarikh mula bekerja tanpa sebab.

Pengikut perjanjian antara Pihak Yang Menuntut dan Penentang; Jika Pembantu rumah berhenti kerja dalam masa tiga bulan bekerja maka Penentang akan menggantikan dengan pembantu rumah yang lain. Oleh kerana pembantu rumah melarikan diri hanya selepas dua bulan 10 hari dari tarikh bekerja maka Pihak yang Menuntut meminta Penentang untuk mengganti pembantu rumah yang lari dengan Pembantu rumah yang lain.

Mengikut Pihak Yang Menuntut ia telah memberi spesifikasi pembantu rumah yang ia mahu iaitu dibawah umur 35 tahun dan tidak gemuk. Seterusnya Mengikut Pihak Yang Menuntut mengatakan bahawa Penentang ada menunjukkan beberapa gambar pembantu rumah tetapi semua tidak mengikut spesifikasi yang dikehendaki oleh Pihak Yang Menuntut dan bermasaalah. Manakala yang sesuai telah diberikan kepada majikan lain. Oleh itu Penentang gagal untuk menggantikan pembantu rumah yang lari dengan pembantu rumah yang lain. Pihak Yang menuntut telah menunggu selama lebih dari satu tahun iaitu dari 2 Januari 2018 sehingga ia memfaillkan tuntutan di tribunal ini pada 20 Februari 2019.

Pihak Penentang pula di dalam pembelaannya mengatakan bahawa beliau telah mengambil berbagai usaha dan langkah untuk menggantikan pembantu rumah yang lari dengan pembantu rumah yang lain tetapi tidak berjaya kerana pembantu rumah tersebut tidak memenuhi spesifikasi seperti yang dikehendaki oleh Pihak yang Menuntut seperti telah mengandung atau mempunyai penyakit dan tidak lulus ujian kesihatan.

Pihak penentang seterusnya mengatakan ia tidak bersetuju untuk membayar balik jumlah sebanyak RM 20,000.00 seperti yang dipohon oleh Pihak yang menuntut sebaliknya bersetuju untuk membayar balik sebanyak RM5000.00 dengan tiga kali bayaran. Namun jumlah ini tidak dipersetujui oleh Pihak Yang menuntut.

Jelas dari keterangan yang terdapat didalam keterangan dan apa yang dinyatakan di atas bahawa Pihak Penentang telah pecah kontrak apabila ia gagal untuk menggantikan pembantu rumah yang lari sebelum cukup tiga bulan bekerja dengan pembantu rumah yang lain.

Dalam satu dokumen perjanjian antara Pihak Yang Menuntut dan penentang bertarikh 26 Julai 2019 yang disertakan didalam kes ini, para satu perjanjian tersebut menyatakan bahawa pembantu rumah yang dibekalkan oleh Penentang kepada Pihak Yang Menuntut adalah untuk bekerja selama dua tahun. Para 7 perjanjian pula menyatakan bahawa jika pembantu rumah tersebut mempunyai masalah dalam masa tiga bulan ia bekerja maka Penentang akan menggantikannya dengan Pembantu rumah yang lain dalam masa 90 hari dari tarikh pembantu rumah ditamatkan. Dalam hal ini jelas pembantu rumah telah lari selepas dua bulan sepuluh hari ia bekerja dan ini tidak dinafikan oleh Penentang.

Dari keterangan yang diberikan apa yang dilakukan oleh Penentang ialah ia telah menunjukkan gambar-gambar pembantu rumah kepada Pihak yang menuntut tetapi sebenarnya Penentang tahu ia tidak mengikut spesifikasi yang dikehendaki oleh Penentang di samping itu terdapat seorang yang telah mengandung dan seorang lagi menghidap penyakit tuberculosis (TB) dan tidak lulus pemeriksaan kesihatan. Manakala pembantu rumah yang dipersetujui oleh Pihak yang menuntut telah diberikan kepada majikan lain. saya berpendapat jika benar terdapat tiga orang pembantu rumah yang dipersetujui oleh Pihak Yang Menuntut maka sepatutnya Penentang hendaklah memberi keutamaan kepada Pihak Yang Menuntut dan tidak memberikan kepada majikan lain. Oleh itu saya dapat sikap Penentang telah gagal untuk menggantikan pembantu rumah yang lari dengan pembantu rumah yang sesuai dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Pihak Yang menuntut :

*"Seksyen 54 (1) Jika perkhidmatan dibekalakan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa perkhidmatan itu, akan;*

- (a) semunasabahnya sesuai bagi apa-apa maksud tertentu dan*
- (b) daripada jenis dan kualiti yang semunasabahnya dapat dijangka dan mencapai apa-apa hasil tertentu*

*Yang dimaklumkan oleh pengguna kepada pembekalkan sebelum atau pada masa kontrak dibuat bagi pembekalan perkhidmatan, sebagai maksud tertentuyang bagimya perkhidmatan itu dikehendaki hasil yang pengguna berhasrat untuk mendapatkannya.”*

Oleh itu jelas Pihak Penentang telah pecah kontrak kerana ia tidak memenuhi kehendak peruntukan yang disebutkan diatas. Oleh itu Pihak yang menuntut berhak untuk membatalkan kontrak tersebut kerana ia merupakan satu perlanggaran terma yang substantial di mana Penentang gagal untuk menggantikan pembantu rumah yang lari dengan pembantu rumah yang sesuai mengikut spesifikasi Pihak Yang Menuntut sebelum berkontrak. Ini sesuai dengan peruntukan di bawah Seksyen 60(1) (b) (ii) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan PYM boleh menuntut bayaran balik.

*Oleh yang demikian Tribunal ini telah memutuskan supaya Penentang membuat bayaran balik kepada Pihak Yang menuntut sejumlah wang berdasarkan kepada kiraan seperti berikut:*

Bayaran yang perlu dibayar balik dikira seperti berikut:

- i. Jumlah bayaran yang dibayar oleh PYM kepada Penentang : RM24118.00
- ii. Gaji maid untuk dua bulan 10 hari : RM2800.00
- iii. Baki setelah ditolak gaji maid : RM21318.00
- iv. Charges untuk satu bulan : RM21318.00 bahagi 24 Bulan; RM888.25
- v. Bayaran perkhidmatan untuk dua bulan 10 hari : RM 2076.00
- vi. 5% caj pentadbiran : RM1205.90
- vii. Jumlah untuk dibayar kepada Penentang: RM2072+1205.90 = RM3277.90
- viii. Jumlah bayaran balik: RM24118.00 – RM3277.90
- ix. RM20841.00

Oleh kerana Pihak Yang menuntut memohon untuk bayaran balik sebanyak RM20,000.00 maka tribunal ini membenarkan tuntutan tersebut. Maka Tribunal memberi Award dalam Borang 10 supaya Penentang membayar Pihak yang Menuntut Membayar balik RM20,000.00 kepada Pihak Yang Menuntut dalam masa 14 hari dari tarikh Award diserahkan

t.t.

**SITI NAAISHAH BINTI HAMBALI**  
PRESIDEN  
TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA  
MALAYSIA.

Tarikh: 14 Mac 2019

